

11 MAY 2000

Mahathir-Umno (perjuangan)

PERJUANGAN UMNO BELUM SELESAI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Perhimpunan Agung Umno dalam usia parti yang genap 54 tahun hari ini dengan menyatakan bahawa perjuangan Umno untuk bangsa, agama dan negara belum selesai.

Malah, kata Perdana Menteri, perjuangan Umno dan orang Melayu perlu diperhebatkan dalam menghadapi cabaran lebih besar yang dihadapi sekarang.

"Cabaran yang kita hadapi bukan sahaja dari luar tetapi dari dalam, daripada Bangsa Melayu sendiri, bahkan daripada Umno sendiri.

"Jika kita tidak sedar dan berjaga-jaga, besar kemungkinan yang dikejar tidak didapati dan yang dikendong berciciran," katanya dalam ucapan Presiden pada perasmian perhimpunan agung itu yang akan berjalan selama tiga hari di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Dr Mahathir, yang diberikan kepercayaan untuk memimpin Umno sekali lagi tanpa bertanding dalam pemilihan parti bagi tempoh 2000-2003, berkata ramai yang menjadi ahli Umno tanpa mengetahui tujuan dan sejarah perjuangan parti.

"Ahli-ahli Umno perlu sedar dan faham perjuangan Umno dan tanggungjawab kita sebagai ahli. Keahlian seramai 2.7 juta tidak bermakna jika komitmen mereka, kesetiaan mereka tidak boleh diharapkan," katanya dalam ucapan yang turut disiarkan secara langsung menerusi radio dan televisyen.

Menurutnya, ada yang menyertai Umno disebabkan untuk mendapat jawatan dan nikmat tertentu.

"Ada yang ingin mendapat kekayaan dengan mudah. Justeru itu perebutan sering berlaku untuk menjadi pemimpin Umno di semua peringkat, dari Ketua Cawangan sehinggalah Presiden Parti," katanya.

Dr Mahathir juga kesal kerana ada pemimpin Umno dan penyokongnya yang sanggup berusaha mengalahkan calon dari Umno kerana gagal menjadi calon dalam pilihan raya umum lepas.

Beliau turut menegur sikap wakil rakyat Umno yang tidak menjalankan tugas selepas memenangi pilihan raya sehingga membuatkan ramai penyokong parti yang meluat dengan mereka dan pemimpin-pemimpin Umno.

"Antara mereka yang dipilih (menjadi calon) dan menang, yang begitu berminat untuk menjadi wakil rakyat, ada pula yang cepat bosan dengan kehadiran di Dewan.

"Kawasan tidak dijaga, jemputan oleh penyokong tidak dilayani. Mungkin apa yang diperkatakan dalam buku "Getek" agak keterlaluan tetapi terdapat banyak kebenaran di dalamnya," katanya.

Buku itu yang ditulis oleh bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ewhal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob merupakan antara buku-buku politik yang dijual pada perhimpunan kali ini, perhimpunan yang pertama kali selepas pilihan raya umum 29 Nov tahun lepas.

Dalam suasana Umno mengadakan pemilihannya kali ini, Perdana Menteri turut merayu kepada anggota perwakilan supaya menolak mana-mana calon untuk apa juga jawatan yang cuba membeli undi ataupun menggunakan cara-cara yang memburukkan imej parti dan bangsa semasa berkempen dalam pemilihan untuk Majlis Tertinggi.

"Kepada para perwakilan yang hadir dalam Perhimpunan ini, ingatlah, jika anda pilih orang yang menghulur wang kepada anda, anda sebenarnya menjadi pengkhianat kepada bangsa, agama dan tanah air...yang akan menjadi mangsa ialah anak cucu anda," katanya.

Beliau juga mengingatkan perwakilan dan calon bahawa keanggotaan dalam Majlis Tertinggi tidak menjamin tempat dalam kerajaan walaupun bagi mereka yang sudah berada dalam kerajaan.

"Saya tahu, apa yang saya perkatkan di sini akan menimbulkan kemarahan para perwakilan dan calon-calon kepada saya.

"Tetapi adalah lebih baik saya dimarahi daripada rakyat membenci Umno dan menolaknya," katanya.

Dr Mahathir berkata anggota-anggota parti mesti menerima kenyataan bahawa akan ada di kalangan mereka yang tidak mendapat kedudukan yang diinginkan mereka.

"Jika kita tidak dapat menjadi Perdana Menteri, walaupun kita layak, kita terpaksa terima bahawa tempat yang ada hanya satu sahaja.

"Justeru itu, layak atau tidak, apabila seorang sudah dipilih bererti yang lain tidak akan mendapat tempat yang diidamkan.

"Jika diadakan giliran pun, akan ada yang berminat yang tidak akan mendapat giliran mereka.

"Jika kerana tersangat berminat kita sanggup menggunakan wang, merosakkan parti, merosakkan bangsa, agama dan tanah air, apa yang kita akan dapat nanti ialah abu daripada kemusnahan bangsa dan negara kita," kata Perdana Menteri.

Selain menyuarakan kekhuatirannya terhadap kesan buruk politik wang, Dr Mahathir juga menyebut mengenai adanya anggota parti yang tidak dapat menerima kekalahan.

"Ramai masih tidak faham cara-cara demokrasi dan perlunya merapatkan balik barisan di belakang pihak yang menang," katanya.

Bersempena ulang tahun ke-54 kelahiran Umno, Dr Mahathir mengakhiri ucapannya dengan mengajak semua anggota Umno berdoa agar Allah dalam merestui perjuangan parti.

-- BERNAMA

azz mai